

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
Volume 15 Issue 3
December 2019

COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

Chief Editor

Junaida Ismail

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Team

Aishah Musa

*Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Siti Natasha Mohd Yatim

*Research And Industrial Linkages Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Azida Hashim

*Research And Industrial Linkages Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Board

Professor Dr M. Nauman Farooqi
*Faculty of Business & Social Sciences,
Mount Allison University, New Brunswick, Canada*

Professor Dr Kiyemet Tunca Caliyurt
*Faculty of Accountancy,
Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Dr Diana Kopeva
*University of National and World Economy,
Sofia, Bulgaria*

Associate Professor Dr Roshima Said
*Faculty of Accountancy,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Associate Professor Dr Zaherawati Zakaria
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Kamarudin Othman
*Department of Economics, Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Kardina Kamaruddin
*Department of Management, Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Content Reviewer

Professor Dr Sivamurugan Pandian
Universiti Sains Malaysia

Dr Siti Zulihra Razali
Universiti Sains Malaysia

Dr Mahadir Ladisma @ Awis
Universiti Teknologi MARA


Prof Madya Dr Asmadi Ghazali
Universiti Teknologi MARA

Dr Wan Irham Ishak
Universiti Teknologi MARA

Aishah Musa
Universiti Teknologi MARA

Samsiah Bidin
Universiti Teknologi MARA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2019 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

The Antecedents For Homelessness In Bukit Bintang, Kuala Lumpur, Malaysia Mohd Ramlan Mohd Arshad ¹ , Nurul Fatin Madzlan ² , Nurhfizah Mawi ³ & Mohd Nazir Rabun ⁴	1 - 10
Pembentukkan Pengukuran Penggunaan Whatsapp Dalam Kalangan Kakitangan Organisasii Che Su Mustaffa ¹ , Nuredayu Omar ² , Che Hasniza Che Soh ³	11 - 31
Integriti Pengguna Media Sosial Intan Syahriza Azizan ¹ , Shahriza Ilyana Ramli ² , Junaida Ismail ³	32 - 44
The Effects Of Human Resource Practices, Knowledge-Oriented Leadership And Organisational Innovation Towards Fourth Industrial Revolution: A Review And Research Agenda Choong Yuen Onn ¹ , Au Yong Hui Nee ² , Charles Ramendran SPR ³	45 - 49
Kajian Kes: Sosio Ekonomi Penduduk Projek Perumahan Rakyat (Ppr) Paya Nahu, Sungai Petani Kedah. Azlyn Zawawi ¹ , Intan Syahriza Azizan ² , Irwana Nooridayu Muhamad Hakimi ³ , Noorayuni Rusli ⁴ , Noorlailahusna Mohd Yusof ⁵ , Nurulaini Zamhury ⁶	50 - 58
Touch Lib©: Humanising A Library Attendance System In A Postgraduate Academic Institution Hasniza Amno ¹ , Mohd Jamil Kasim ² , Siti Fatimah Hashim ³ , Md Naim Salis @ Saleh ¹ , Bakiah Shaharuddin ⁴	59 - 64
The Impact Of Networking Among Women Entrepreneurial Success Shamsul Hana Abd Rani ¹ , Norashidah Hashim ² , Shamsul Huda Abd Rani ³	65 - 71
Tokoh Pahlawan Kedah; Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail Serta Perkaitannya Dengan Panglima Ismail Dan Panglima Tok Rashid; Panglima Pembawa Silat Cekak Dalam Persejarahan Negeri Kedah Sepanjang 1800 – 1925 Shukri Janudin dan Zaimilah Yusoff	72 - 95

INTEGRITI PENGGUNA MEDIA SOSIAL

Intan Syahriza Azizan ¹, Shahriza Ilyana Ramli ², Junaida Ismail ³

^{1,2,3} FSPPP, Universiti Teknologi MARA Sungai Petani, Kedah

ARTICLE INFO

Article history:

Received December 2019

Received in revised form

Accepted December 2019

Published December 2019

Keywords:

Integriti, Internet, Pengguna, Media Massa, Media Sosial, Malaysia

Corresponding Author:

intan_syahriza@uitm.edu.my

ABSTRACT

Malaysia amnya, mempunyai kepelbagaian saluran media massa. Kepelbagaian media massa boleh diklasifikasikan kepada beberapa item iaitu saluran tradisional dan saluran konvensional termasuklah media sosial seperti internet. Saluran media sosial merupakan satu platform interaksi, penyampaian maklumat dan propaganda, wadah pembelajaran serta sumber rujukan interaktif dan kreatif. Perkembangan saluran media massa ini bertambah pesat di mana penyebaran maklumat berlaku setiap saat tanpa batasan. Justeru itu, untuk memelihara integriti pengguna proses pemantauan harus sentiasa diimplementasikan dan dilestarikan demi kesejahteraan semua dan nama baik negara. Pola perbincangan penulisan ini lebih bersandarkan kepada pola kepentingan nilai dan integeriti pengguna media sosial, kerangka teori yang berkait dengan media sosial, isu-isu yang dihubungkaitkan dengan saluran media sosial, dan diakhiri dengan beberapa cadangan pengukuhan integriti. Diharapkan penulisan kertas kerja ini dapat memberikan sedikit impak positif agar setiap pengamal saluran media sosial dapat mengadaptasikan nilai-nilai integriti dalam penyediaan bahan maklumat untuk saluran masing-masing.

©2019 UiTM Kedah. All rights reserved.

PENGENALAN

Malaysia amnya, mempunyai saluran media massa yang pelbagai. Kepelbagaian media sosial boleh diklasifikasikan kepada beberapa item iaitu saluran tradisional dan saluran konvensional termasuklah internet. Saluran media sosial merupakan satu platform interaksi, penyampaian maklumat dan propaganda, wadah pembelajaran serta sumber rujukan interaktif dan kreatif. Perkembangan saluran media massa ini bertambah pesat di mana penyebaran maklumat berlaku setiap saat tanpa batasan.

Perkembangannya adalah mengikut perubahan terhadap gaya hidup ke arah impian gaya hidup yang lebih moden berorientasikan teknologi dan kemajuan maklumat yang pastinya menjadi cabaran terhadap pemikiran, ideologi, tindakan dan budaya tanpa batasan sempadan serta kawalan. Keghairahan masyarakat dalam menjadi sebahagian besar pengguna media sosial hari ini menjadikan ia sebagai satu keperluan dalam kehidupan kerana media sosial membuka ruang komunikasi dengan luas dan

mudah, dapat menjimatkan waktu serta apa sahaja maklumat boleh diperolehi dengan begitu mudah. Oleh yang demikian, perlu dipastikan bahawa elemen integriti oleh pihak pengguna media sosial dapat diterapkan agar kandungan bahan-bahan media dapat difokuskan kepada kandungan yang seimbang dengan nilai dan norma serta ditambah dengan nilai intelektual kepada audien sasaran. Gejala penyebaran maklumat palsu serta kandungan elemen-elemen yang negatif harus ditangani dengan bijak agar tidak menjadi parah yang membawa kesan yang tidak baik kepada individu, keluarga, masyarakat serta negara.

Dalam mengorak langkah ke arah kemodenan negara, Malaysia harus akur akan peralihan zaman menuju ke arah kehidupan maklumat yang tidak terbatas dan tanpa sempadan. Namun, sejauh mana integriti setiap individu dapat terpelihara agar kemajuan negara dapat dicapai selari dengan budaya integriti yang utuh harus dititikberatkan. Mendukung prinsip integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing perlu disemat di dalam jiwa setiap individu agar sentiasa berintegriti bukan sahaja dalam menggalas tugas tetapi juga di dalam setiap perkara dalam kehidupan selari dengan era globalisasi yang membawa banyak perubahan kepada negara. Dengan penggunaan media sosial yang kian popular pada masa kini, sikap integriti serta akauntabiliti adalah antara prinsip yang harus ada pada setiap individu dalam memastikan setiap perkara yang dimuatnaik ke dalam media sosial adalah benar.

Media sosial merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi yang memungkinkan penyebaran maklumat tersebar dengan mudah dan cepat sehingga mempengaruhi corak pemikiran, gaya hidup serta budaya. Malaysia adalah negara yang tidak terkecuali dalam melalui perubahan proses sosialisasi kehidupan masyarakat di mana terdapat hampir 20 juta atau 67 peratus rakyat menggunakan internet dan lebih daripada 15 juta orang akses kepada facebook (Utusan, 2015). Oleh itu, kandungan yang tidak terancang mampu membawa kepada satu impak yang dapat mempengaruhi nilai, gaya hidup dan norma hidup. Gejala penyebaran maklumat palsu dalam media sosial menjadi berleluasa dan ianya harus dipantau dan diberhentikan kerana ia mampu mengundang bencana kepada negara. Negara tidak dapat lari dari arus ini malah sepatutnya menggunakan sebaiknya dalam mendidik audien sasaran mengenai perkembangan negara serta bersedia mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa.

Pada dasarnya, negara Malaysia amat menekankan nilai integriti kerana ianya seiring dengan amalan yang mulia ditambah dengan penetapan Pelan Integriti Nasional dan ini tampak lebih agresif di bawah pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi (Perdana Menteri Malaysia yang ke-5) yang telah memperkenalkan dan melancarkan PIN pada 23 April 2004. Ini dilihat sebagai salah satu langkah terpenting kerajaan bagi meningkatkan kesedaran integriti dan pembudayaan nilai murni di kalangan semua lapisan masyarakat. Pendekatan ini diambil adalah menyeluruh bukan hanya tertakluk kepada sektor awam bagi memupuk sikap tanggungjawab dalam menjalankan apa sahaja tugas. Melihat kepada dasar ini, jelas menunjukkan bahawa prinsip integriti adalah satu kualiti unggul yang perlu wujud pada setiap individu.

KEPENTINGAN NILAI INTEGRITI DALAM KONTEKS MEDIA SOSIAL

Integriti merupakan konsep yang penting dalam penaakulan etika (Widang & Fridlund, 2004) kerana integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik serta melaksanakan perkara yang betul (Musatafar Ali, 2004). Sifat ini jelas menunjukkan bahawa ianya amat diperlukan dalam kehidupan manusia terutamanya dalam menjaga hubungan sesama manusia. Mengangkat nilai integriti mampu membendung perkara-perkara yang negatif seperti tidak

akan menipu, menyeleweng, mungkir janji dan menyusahkan orang lain. Oleh itu, penghayatan terhadap integriti dapat membantu meningkatkan nilai diri sekaligus dapat mengangkat martabat negara sebagai negara maju. Dalam konteks pembentukan integriti diri, mereka perlu konsisten dan sebatik dengan diri bagi membentuk nilai moral yang baik dengan mempertahankan diri dari melakukan perkara yang merosakkan diri dan nilai yang dipegang (Widäng & Fridlund, 2003). Menurut Musschenga (2001), pendidikan adalah elemen yang amat penting dalam pembangunan integriti yang membentuk kepada identiti diri. Dengan nilai ini, ianya pasti dapat membantu individu itu menggunakan media sosial dengan baik.

Media dan negara mempunyai hubungan yang sangat luar biasa. Kebolehan media menyebarkan maklumat dengan tepat mampu memberikan impak yang baik dalam pembangunan sesebuah negara, baik di mata masyarakat Malaysia maupun masyarakat antarabangsa amnya. Dalam pendekatan pembangunan negara, media yang berasal dari bahasa latin medius didefinisikan sebagai ‘tengah’, ‘perantara’ atau ‘pengantar’ (Arsyad, 2002). Integriti pula secara umumnya didefinisikan sebagai kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti ini sangat berkait rapat dengan etika (PIN, 2004). Penghayatan nilai integriti dapat diterjemahkan dalam setiap tindak tanduk individu seperti bertindak mengikut prinsip moral, etika dan undang-undang. Justeru itu, individu dapat menggunakan media massa sebagai peranan penting dalam memelihara dan memastabatkan nilai-nilai berkualiti unggul dalam menjalankan fungsi mereka. Cabaran dalam memperkuuhkan nilai integriti dalam individu diterjemahkan dengan dasar dan strategi kerajaan kerana signifikan integriti dan keberhasilannya membawa ke arah pembangunan negara.

Pesatnya perkembangan media sosial pada ketika ini membawa masuk satu perubahan budaya baru di dalam masyarakat Malaysia. Keberadaannya kini menjadi satu keperluan dan membawa pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat masa kini. Menurut Wan Hamat, W., N. et.al (2013) pelajar-pelajar dari pelbagai institusi pengajian menggunakan media sosial seperti internet khusus untuk melayari laman web sosial seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya bagi tujuan santai dan menghabiskan masa selama tiga jam. Ianya turut diakui oleh Faiza, M.S. (2010) di mana mendapati facebook merupakan laman web sosial paling popular di Malaysia dan penggunanya ialah di antara yang berumur 12 tahun sehingga 35 tahun. Melihat kepada perkembangan ini, nilai integriti adalah amat penting dalam memastikan pengguna media sosial masa ini menggunakan dengan baik demi perpaduan dan pembangunan negara. Ini kerana, menurut Edvardsson (1994), integriti memerlukan nilai kejujuran dan kesaksamaan dalam perhubungan di antara media dan rakyat dalam menyalurkan maklumat kerana dengan nilai inilah, secara tidak langsung dapat membangunkan dan memakmurkan negara.

Dalam meletakkan media sebagai salah satu saluran penyampaian maklumat, perlu dipastikan bahawa maklumat tersebut mengandungi maklumat yang tepat dan benar dari segi tema, gambar latarbelakang, tajuk berita dan suasana sosial dalam pengiklanan sesuatu berita agar maklumat ini dapat ditafsirkan dengan baik (Charles Blankson Stavros P. Kalafatis Stanley Coffie Markos H. Tsogas , 2014). Dengan itu, pengurusan integriti dalam perkongsian maklumat adalah sangat penting di dalam media sosial bagi menyalurkan maklumat kepada pengguna dengan memastikan ianya adalah sistematik, dinilai secara keseluruhan dan dibangunkan dengan menyalurkan maklumat yang tepat dan benar sahaja. Perkara ini perlu dititikberatkan agar maklumat yang tepat dan benar disalurkan bukan bukan semata-mata menghangatkan sesuatu, mensensasikan berita, apatah lagi berita palsu. Akan tetapi menjadi bertanggungjawab dalam setiap maklumat yang dipaparkan dalam media sosial. Penyaluran maklumat yang tepat dan benar mampu mendidik tahap pemikiran yang berintelektual dan membantu masyarakat menjadi

lebih efisien kerana mampu menapis maklumat sebelum berkongsi kepada umum. Justeru itu, kemelut integriti dapat disangkal dengan mudah apabila setiap individu berpegang kepada nilai integriti yang utuh.

THEORY OF PLAN BEHAVIOR

Theory of Plan Behavior adalah sebuah teori yang menerangkan tentang cara cara manusia berkelakuan. Teori ini telah menjadi salah satu teori yang paling berpengaruh dan popular yang menerangkan tentang bagaimana manusia bertindak; khususnya dalam penulisan ini; menjurus kepada bagaimana pengguna media sosial bereaksi dan bertindak balas terhadap penggunaan media sosial itu sendiri.

Teori ini telah diasaskan dan dipelopori oleh Icek Ajzen pada tahun 1985. Menurut teori ini, tingkah laku seseorang individu adalah didorong oleh niatnya; di mana niat tujuan adalah titik aras fungsi sikap seseorang ke arah tingkah laku berikutnya. Teori ini menghubungkan antara sikap dan tingkah laku manusia dan ianya adalah lanjutan daripada Theory of Reasoned Action (Ajzen & Fishbein, 1980). Menurut teori ini, tingkah laku manusia adalah berasal daripada dua aspek; iaitu ganjaran yang ditawarkan atau hukuman yang bakal dikenakan oleh seseorang yang berkaitan dengan individu tersebut. Kedua dua aspek ini mendorong seseorang individu berfungsi dan berkelakuan secara automatik tanpa sedar.

Menurut Ajzen, 2002; Tingkah laku manusia adalah dipandu oleh tiga jenis pertimbangan; pertamanya adalah kepercayaan tentang kemungkinan akibat atau kesan kesan yang bakal dihasilkan oleh tingkah laku seseorang individu (behavioral beliefs), keduanya adalah kepercayaan tentang jangkaan normatif orang lain terhadapnya hasil daripada kelakuan individu itu sendiri (normative beliefs) dan yang terakhir adalah keyakinan tentang kehadiran faktor-faktor yang dapat mengawal tingkah laku prestasi seseorang individu (control beliefs). Dalam menjelaskan sikap seseorang individu terhadap bagaimana beliau bertingkah laku, ianya tidak dilakukan secara sekali sahaja (one-off), tetapi ianya lebih kepada rutin atau tindakan yang dilakukan seseorang individu secara berulang-ulang. Walau bagaimanapun, tidak kira bagaimana seseorang mencapai kepercayaan tingkah laku, normatif, dan kawalan mereka (behavioral, normative and control beliefs), sikap mereka terhadap tingkah laku, norma subjektif mereka dan persepsi mereka terhadap tingkah laku adalah hasil daripada kepercayaan mereka itu. Oleh itu, bahagian ini dipanggil sebab musabab tindakan (reasoned of action).

Selain itu, teori ini juga menjelaskan yang bagaimana seseorang individu bertingkah laku secara rutin di dalam kehidupan sehariannya dengan tidak banyak menggunakan skill dan usaha kognitif, kerana tiada andaian bahawa seseorang akan sangat berhati-hati dan secara berstruktur mengkaji semula kepercayaan mereka sebelum melakukan apa-apa tindakan yang rutin dan yang menjadi kebiasaan seseorang. Namun begitu, keadaan ini berbeza pula bagi situasi yang memerlukan pertimbangan yang teliti terhadap akibat yang mungkin dihasilkan oleh tingkah laku dan tindakan seseorang. Pemprosesan yang mendalam dicadangkan untuk tujuan ini. Ketika melibatkan perkara yang rutin, tidak akan ada penilaian dan penelitian berstruktur yang berhati-hati; sama seperti melakukan hal hal rutin yang lain seperti makan, tidur, pergi kerja, dan sebagainya. Sikap, norma subjektif, dan persepsi tentang kawalan serta niat berhubung dengan jenis tingkah laku secara implisit tanpa usaha kognitif (Ajzen , 2012).

Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, terdapat tiga pengklasifikasian terhadap Theory of Planned Behavior ini. Pertamanya ialah penilaian terhadap kesan tingkah laku yang bakal dihasilkan oleh seorang individu; sama ada perasaan positif atau negatif tentang kesan dan akibat tingkah laku. Ia pada dasarnya akan menghasilkan sikap yang menggalakkan atau tidak untuk berperilaku dan bergantung kepada keberhasilan sama ada menguntungkan atau tidak terhadap tingkah laku yang bakal dihasilkan itu (Ajzen, 2002).

Klasifikasi yang pertama ini, ditentukan melalui penilaian kepercayaan keberuntungan atau tidak hasil daripada tingkah laku dan juga tahap penilaian terhadap keperluan kepada kesan kesan yang bakal dihasilkan. Hasil tingkah laku dan tindakan yang dijelaskan di sini boleh menjadi positif atau negatif, yang akan mendorong tindakan seseorang berdasarkan akibat yang bakal timbul. Setelah menimbang tahap keperluan kepada kesan dan akibatnya, maka ia akan menjadi pemandu untuk melakukan tindakan. Dalam konteks ini, dengan menggabungkan nilai integriti dan penggunaan media sosial, dipercayai dapat menghasilkan hasil yang lebih baik kerana jika nilai integriti disematkan di dalam diri, ia akan merupakan sumber rujukan yang paling penting sebelum memulakan sesuatu tindakan. Secara automatik, cara berperilaku manusia akan dipandu oleh nilai dan prinsip yang dipegang olehnya.

Jika, kita melihat ke dalam konteks yang lebih luas, seseorang yang mempunyai nilai integriti di dalam dirinya akan sentiasa dipandu untuk melakukan perkara perkara yang baik dan tidak bercanggah dengan norma norma dan prinsip integriti yang dipegang olehnya. Jadi, di sini, individu tersebut akan tidak melakukan perkara perkara yang bertentangan dengan prinsip integriti dalam penggunaan media sosial sehari hari, seperti melakukan fitnah siber, menyebarkan berita palsu tentang individu lain, atau pihak kerajaan, menggodam akaun pengguna media social yang lain atau laman sesawang pihak kerajaan dan sebagainya selagi ianya bertentang dengan nilai integriti yang dipegang olehnya. Hal ini kerana, segala kesan dan akibat daripada perlakuan yang tidak berintegriti hasil daripada penggunaan media sosial olehnya akan menghalang beliau daripada melakukan perbuatan tersebut. Contohnya seperti, individu ini akan mempertimbangkan kesan buruk perlakuan yang tidak berintegriti tersebut, seperti kemungkinan beliau akan ditangkap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan didakwa hasil daripada fitnah siber yang dilakukannya. Kesan dan akibat yang bakal timbul ini akan mematahkan keinginan seseorang individu untuk melakukan perkara perkara yang tidak berintegriti dalam penggunaan media sosial mereka.

Klasifikasi kedua daripada teori ini ialah kepercayaan normatif. Ini adalah mengenai jangkaan normatif orang lain terhadap perilaku individu tersebut (Ajzen, 2002). Ia juga dikenali sebagai norma subjektif di mana ia menunjukkan persepsi orang lain (orang-orang yang mempunyai kaitan kepada pelaku tersebut; iaitu; ibu, bapa, majikan, isteri dan lain-lain) mempunyai kesan nyata terhadap bagaimana seseorang individu berperilaku. Dalam teori ini, dengan mempertimbangkan apa fikiran orang lain terhadapnya sama ada patut atau tidak patut individu tersebut melakukan perbuatan itu akan bakal memandu tingkah lakunya. Orang itu tertakluk kepada mematuhi kehendak dan persepsi orang lain dan hal tersebut akan menjadi rujukan utamanya dalam berperilaku. Oleh itu, persepsi individu ditimbang oleh penilaian motivasi untuk semua rujukan yang relevan. Undang-undang Malaysia mempunyai skop yang lebih luas kepercayaan normatif sebagai matlamat utama adalah untuk melindungi imanusia (utiliti/manfaat).

Dalam konteks ini, pengguna media sosial akan mempertimbangkan dan menilai persepsi dan pandangan orang lain terhadap tingkah lakunya yang tidak mengaplikasi nilai

integriti di dalam penggunaan media sosial tersebut. Pandangan dan penilaian orang lain akan menjadi motivasi atau pendorong kepada cara seseorang individu berlakuan. Jadi, hal ini sekaligus dapat mematahkan keinginan untuk tidak berintegriti di dalam penggunaan media sosial. Individu ini akan berfikir untuk kali kedua, dengan mempertimbangkan apakah pandangan orang sekeliling terhadapnya dengan jenayah siber, fitnah siber dan sebagainya nanti. Hal ini akan mendorong beliau untuk mengamalkan ciri ciri pengguna media sosial yang baik dan berintegriti.

Manakala, klasifikasi teori ini yang terakhir adalah faktor kawalan tingkah laku yang dilihat yang menunjukkan dapat mengawal tindakan seseorang. Faktor kawalan tingkah laku yang dilihat adalah komponen tambahan dan lanjutan daripada Theory of Reasoned Action untuk menampung bahagian yang lompong di dalam tingkah laku - yang bukan berasal daripada kemauan seseorang individu (Ajzen, 2002). Ajzen dalam penulisannya, telah menggariskan bahawa tingkah laku seseorang tidak sepenuhnya di bawah kawalan individu tersebut.

Ada pelbagai faktor yang boleh menjauhkan seseorang individu dalam mencapai kehendak beliau. Analogi yang diberikan oleh Ajzen adalah seorang pemohon yang merupakan siswazah universiti boleh melakukan segala-galanya untuk mendapatkan kedudukan dalam sebuah syarikat berteknologi tinggi. Walau bagaimanapun, ada faktor-faktor lain yang berada di luar kawalannya yang boleh menariknya turun daripada mendapatkan apa yang dihajati; iaitu ; jika majikan syarikat tersebut memutuskan untuk memilih calon pemohon selainnya, atau jika individu tersebut mempunyai penyakit serius yang boleh menjadi halangan-halangan yang tidak diduga baginya untuk mendapatkan pekerjaan yang diburu olehnya.

Penjelasan kepada faktor kawalan dapat dilihat dengan kes penyerbuan ke 11 lokasi; antaranya Putrajaya, Petaling Jaya di Selangor; Perai dan Simpang Ampat di Pulau Pinang; Kerteh dan Kuala Dungun di Terengganu; Pasir Puteh di Kelantan, Kluang dan Indahputra di Johor serta Bachang dan Masjid Tanah di Melaka (Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, 2019). Serbuan tersebut berikutan kesalahan yang dilakukan oleh suspek-suspek menjurus kepada perbuatan menghantar kandungan-kandungan yang bersifat lucu seperti video seks, penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) yang jelik dan menghina, serta kandungan mengancam dengan niat untuk menganggu dan menyakitkan hati orang lain. Kes kes seperti serbuan, tangkapan dan dakwaan seperti ini adalah menjadi faktor kawalan yang dapat mengawal tingkah laku seseorang individu dalam penggunaan media sosial.

ISU INTEGRITI DALAM MEDIA SOSIAL

Kemelut integriti dalam konteks peribadi akan membawa kepada kepincangan dan pastinya akan menganggu gugat pembangunan negara. Menurut M.Kamal Hassan (2004), individu perlu mengawal nafsu, menyucikan hati dan bertaqwah kepada Allah serta mempunyai aqidah dan akhlak yang terpuji. Ini dapat menjadi asas kepada pembangunan sumber manusia yang berkualiti dalam menentukan jatuh bangun sesebuah negara. Integriti kepada organisasi rasminya merujuk kepada pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik. Kod etika organisasi budaya (Pelan Integriti Nasional). Menurut Kamus Dwibahasa (1985) integriti merujuk kepada tatalaku kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan dan keutuhan. Dari maksud yang didapati dari kamus tersebut, integriti boleh dijustifikasikan sebagai sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya, dll.

Namun begitu, beberapa isu yang sering menjadi perhatian di kalangan pengguna Media Sosial adalah berlakunya jenayah siber, sifat tamak dan mempersendakan isu keamanan negara bangsa. Kajian yang dijalankan oleh laman web Internet Lives Stats, seramai tiga bilion atau 40 peratus daripada penduduk dunia menggunakan Internet. Di Malaysia sahaja terdapat hampir 20 juta atau 67 peratus rakyat menggunakan Internet dan lebih daripada 15 juta orang akses kepada Facebook (Utusan Malaysia, 19 Mei 2015). Ini menunjukkan betapa masyarakat kita amat positive dengan perkembangan media sosial.

Media sosial yang sering dijadikan tempat berintetaksi, berkongsi maklumat, ruangan iklan atau bertukar pendapat di kalangan pengguna sering disalahgunakan penggunaannya. Sebahagian pengguna media sosial menggunakan media sosial sebagai salah satu platform, untuk melakukan penyebaran jenayah siber. Kedan ini berlaku ini kerana media sosial juga telah membuka dunia komunikasi dengan lebih luas tanpa sempadan. Melalui Internet, apa sahaja yang diperlukan boleh diperoleh jawapan dengan mudah. Justeru itu, terdapat juga segelintir masyarakat menyalahgunakannya untuk kepentingan peribadi, merosakkan dan menjatuhkan individu lain, melakukan jenayah siber serta mempermudahkan isu keselamatan rakyat dan negara. Perbuatan ini akan mendatangkan kesan negatif, menjelaskan integriti diri dan menyatakan undang-undang. Hasil laporan kajian yang dijalankan oleh Utusan Malaysia (19 Mei 2015), mendapati kebanyakkan pengguna Facebook di Malaysia berusia antara 25 hingga 34 tahun, dan golongan ini sangat bebas serta terpengaruh untuk terlibat dalam jenayah siber, termasuklah menyebar berita sama ada palsu atau pun yang tidak, judi siber, skim cepat kaya, pornografi dan penggodam yang kini semakin berleluasa. Setiap hari statistik ini semakin meningkat dan amat membimbangkan. Ini merupakan salah satu ancaman baharu kepada masyarakat.

Masyarakat harus lebih berwaspada dengan jenayah siber yang semakin berleluasa ketika ini. Apa yang sangat membimbangkan adalah, isu jenayah siber telah melangkaui pelbagai peringkat usia, termasuk kanak-kanak dan remaja ke kancan berkenaan sehingga boleh meruntuhkan integriti generasi muda jika tidak dibendung. Laporan Utusan Malaysia (19 Mei 2015), menunjukkan bahawa ada segelintir warga asing yang menetap di Malaysia turut terlibat dengan gejala jenayah siber, di mana tindakan sindiket penipuan siber khususnya dalam kalangan rakyat Afrika di negara ini menunjukkan peningkatan mendadak. Jenayah siber ini melibatkan beberapa jumlah kerugian yang direkodkan sepanjang tahun lepas mencapai nilai hampir satu bilion ringgit. Penipuan dilakukan dalam pelbagai bentuk termasuklah mengaut keuntungan wang, bertindak sebagai kasanova mencari teman bersempang dan akhirnya memaksa mangsa menjadi mangsa rogol pada hari pertama pertemuan ataupun yang lebih drastic dan sadis adalah melibatkan pemindahan sejumlah wang secara haram daripada akaun bank mangsa.

Menurut, Datuk Akhbar Satar, Pengarah Institut Jenayah dan Kriminologi Universiti HELP, berpendapat modus operandi jenayah siber yang digunakan di kalangan warga Afrika amat mudah iaitu, dengan membuat laman web palsu, dan menjual aksesori telefon bimbit (Utusan Malaysia, 19 Mei 2015). Ini menunjukkan golongan ini amat cerdik mengoptimumkan penggunaan media sosial demi untuk kepentingan diri sendiri, tanpa memikirkan kesalahan yang mereka lakukan. Laporan akhbar terkini menunjukkan, ramai menjadi mangsa terutama mereka dalam kalangan suri rumah. Pendedahan penipuan jenayah siber acap kali diwar-warkan, namun demikian peningkatan mangsa terus berlaku di kalangan wanita khususnya di Malaysia.

Selain itu, sifat tamak di kalangan pengguna media sosial turut mendapat perhatian umum. Secara amnya, liputan mendalam mengenai penindasan, rasuah, salah guna kuasa dan apa juga salah

laku akan meningkatkan bilangan pelanggan bagi sesuatu media sosial berkenaan, ini secara tidak langsung meningkatkan pengaruh dan pendapatan media berkenaan. Namun begitu, pihak media massa yang dianggap kurang menyempurnakan tugas dengan baik akan kehilangan kredibiliti dan integriti serta pelanggan. Ini pernah terjadi kepada beberapa media utama di Malaysia ketika kes Anuar Ibrahim sangat diliputi. Pada ketika itu, pihak media massa yang diisitilahkan sebagai medium perdana dilihat terlalu memihak kerajaan, sehingga pelbagai fakta dimanipulasikan demi untuk meningkatkan jualan serta pengaruh. Namun begitu, asbab kecerdikan masyarakat setempat, sifat tamak pihak media massa menerima padah sehingga hampir memufliskan syarikat-syarikat mereka sendiri asbab kehilangan pelanggan masing-masing, ini kerana pelanggan akan mantafsirkan sesuatu maklumat yang diperolehi dan tidak menerima secara sebulat suara. Asbab sifat tamak ada sebahagian pihak media massa yang cuba membuat liputan tanpa menekankan sifat jujur dan tepat dalam sesuatu penyampaian, ini kerana fokus utama adalah untuk meningkatkan jualan dan keuntungan semata.

Dalam pada itu, saluran maklumat dalam Internet turut menjadi popular, di mana ianya dilihat sebagai alternatif kepada sumber maklumat. Misalnya, saluran akhbar online seperti MalaysiaKini dan beberapa blog turut mendapat sokongan pelbagai pihak. Mereka menganggap kehadiran medium alternatif seperti MalaysiaKini dan beberapa blog sebagai salah satu refleksi kepada kejujuran, berkredibiliti dan berintegriti pihak media sosial. Di sini dapat dilihat terdapat signifikannya kewibawaan dan integriti sebagai dua unsur yang berperanan penting dalam mendapatkan sokongan dan keuntungan mutlak bagi pihak media. Integriti di kalangan pihak media bukan sahaja menentukan maju atau matinya sesuatu media, ia juga mampu menentukan kedudukan survival para pemimpin dan negara. Contohnya, seseorang pemimpin yang integritinya dipersoalkan tentunya akan cukup sukar mempertahankan kedudukannya. Malah, apabila integriti sesebuah negara diragui, jumlah pelabur dan pelancong akan merosot, jumlah rakyat resah dan tidak berpuas hati turut meningkat. Contohnya, apabila sesebuah negara diberi liputan meluas kerana tidak menghormati hak asasi manusia sudah pasti jumlah kemasukan pelabur asing dan pelancong akan jatuh menjunam. Ini pernah berlaku kepada beberapa negara di Asia Tenggara.

Isu mempersendakan keamanan negara bangsa turut di canang dengan hangatnya di dalam media sosial. Contohnya, beberapa isu yang menyediakan terdapat lambakan laporan tidak sahih dan khabar angin menerusi media baru berhubung dengan isu-isu kese-lamatan yang boleh menimbulkan kesan negatif seperti persepsi tidak baik serta mengganggu operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa. Sudah tentu, penyebaran maklumat palsu di laman sosial boleh menjelaskan imej negara dan rak-yat seharusnya membiarkan pihak berkuasa menjalankan tugas mereka. Selain itu, perkara itu sedikit sebanyak boleh menjelaskan ekonomi negara apabila pelancong dan pelabur asing tidak berani mengambil risiko apabila membaca pelbagai cerita sedemikian sedangkan hal berkenaan tidak benar sama sekali.

Selepas 62 tahun negara merdeka, kita akui terdapat konflik atau perselisihan berlaku dalam kalangan masyarakat yang melibatkan isu kaum seperti peristiwa 13 Mei, kes Kampung Medan, kes Low yat dan beberapa kes terpencil. Keadaan ini sedikit sebanyak asbab berita palsu atau proses memanipulasi data yang dilakukan dengan baik dari kalangan pengamal media massa, mahupun di kalangan pengguna media massa. Mempersendakan keamanan negara bangsa dilihat bukan lagi sesuatu yang sensitive bagi sebahagian pengguna media sosial, ianya dilihat sebagai subjek yang boleh dianggap mempersendakan keamanan negara bangsa asbab ketamakan segelintir pengguna media untuk menjadikan sesuatu cerita itu hangat dan viral. Justeru itu, jika keadaan ini berleluasa maka tidak hairanlah jika pertelingkahan sesama kaum, mahupun di kalangan kaum yang tidak sebangsa sering berlaku di negara kita. Keadaan ini akan merugikan negara kita dan ini menggambarkan beta-

pa tidak sehatnya pemikiran segelintir pengguna media massa di Malaysia. Secara tidak langsung, keadaan seperti ini akan memberikan persepsi yang negative khususnya di kalangan pelabur-pelabur asing yang mungkin ingin melabur, mahupun yang sedang melabur untuk memikir sedalamnya samaada menanjangkan tempoh pelaburan asing mereka di negara ini ataupun tidak. Sudah tentu keadaan ini adalah merupakan kerugian yang amat besar kepada negara kita Malaysia yang tercinta.

CADANGAN PENGUKUHAN INTEGRITI

Rentetan beberapa isu yang diketengahan di dalam penulisan ini, wajarlah proses pemantapan nilai integriti diperkenalkan secara menyeluruh bukan sahaja di pihak individu itu sendiri, malah kerajaan juga berperanan penting demi memastikan keberlangsungan pembangunan negara. Pengukuhan integriti dapat melahirkan individu yang berkualiti seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

Usaha saluran media massa sama ada yang tradisional, konvensional, mahupun media sosial melalui Internet, untuk memelihara integriti nasional harus sentiasa dipantau dan dilestarikan. Sekiranya media sosial tidak dipantau dengan berkesan ia boleh saja terpesong ke arah kegiatan negatif seperti menabur fitnah serta pembohongan yang pasti boleh merosakkan nama baik, bukan sahaja individu, khususnya pemimpin, tetapi juga reputasi negara seperti integriti nasional. Penulisan kertas kerja ini menekankan beberapa perkara dalam pengukuhan integriti iaitu melalui penghayatan nilai-nilai di dalam Pelan Integriti Nasional (PIN), Penghayatan Rukun Negara dan juga Pendidikan sivik khususnya kepada semua pengamal / pengguna media sosial.

Pengenalan Pelan Integriti National (PIN), pada April 2004 dilihat sebagai salah satu alternatif yang wajar dan lebih menyeluruh. PIN yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi, menekankan konsep holistik di dalam setiap komponen masyarakat untuk membudayakan integriti (Mohd Hamdan Adnan, 2015). PIN juga dilihat sebagai pembolehubah yang sangat wajar dan selari dengan pencapaian cabaran keempat di dalam dasar Wawasan 2020. Dasar wawasan 2020, menekankan pembentukan sesebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, selain itu para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Justeru itu, pembudayaan nilai-nilai PIN ini dilihat sebagai sesuatu yang melibatkan keseluruhan masyarakat. Justeru itu, semua pihak harus melibatkan diri, khususnya pengamal dan pengguna media massa.

Ini kerana pengaruh media massa kian meningkat dengan pendedahan visibility media massa kepada rakyat secara keseluruhan dilihat sebagai signifikan. Peranan media massa bagi memelihara integriti nasional dibuat berdasarkan tanggungjawabnya dalam menjamin kepentingan awam dan negara, tidak kira sama ada peranan itu direstui atau tidak oleh Kerajaan. Adalah diakui antara peranan terpenting media massa adalah untuk mendedahkan sebarang kemungkaran yang melibatkan kepentingan awam serta sentiasa memastikan hak rakyat terbela. Maka, secara amnya pihak media massa perlu merasakan bahawa menjamin kepentingan awam dan integriti nasional adalah di antara tanggungjawab utama mereka bagi memastikan kredibilitinya dilestarikan.

Pengembelinggan tenaga semua pihak dalam penghayatan aspirasi yang terkandung di dalam PIN adalah sangat munasabah. Ini kerana melalui penghayatan aspirasi dalam PIN ianya mampu memantapkan integriti serta perpaduan negara bangsa. Ianya juga mampu menjadi pedoman bagi perlaksanaan PIN secara keseluruhan selari dengan penghayatan prinsip di dalam Perlembagaan Persekutuan, falsafah dan prinsip-prinsip Rukun Negara. Justeru itu, penglibatan media sosial dalam memajukan dan meningkatkan integriti rakyat dan negara khasnya dikalangan pengamal dan pengguna media massa sangat relevan melalui penghayatan nilai-nilai PIN untuk memastikan pendefinisian sebenar integriti dapat dihayati dengan jelas.

Selain itu, sebagai rakyat Malaysia, khususnya pengamal dan pengguna media sosial seharusnya menjadikan Rukun negara sebagai salah satu sandaran dalam pemantapan nilai integriti. Bagaimana seharusnya kita menggalakkan rakyat menghayati Rukun Negara dan menjadikannya sebagai salah satu teras kehidupan yang masih relevan sehingga kini? Hasil temubual wartawan Utusan Mudzalifah Mustafa bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Josep Kurup selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, beliau berpendapat bahawa fungsi utama Rukun Negera digubal adalah untuk mendidik rakyat tentang peri pentingnya nilai perpaduan sesama masyarakat khasnya kita di Malaysia yang berbilang bangsa dan kaum. Ini kerana nilai perpaduan itu sangat mahal harga bagi sesebuah negara bangsa yang mempunyai kepelbagaiaan kaum. Justeru, tidak hairan lah sekiranya perpaduan ini dijadikan salah satu sandaran dan tonggak dalam penentuan keamanan sesebuah negara serta menjadi suatu resepi khusus dalam menyatupadukan rakyat berbilang kaum (Utusan Malaysia, 4 Nov 2017).

Jika di amati dan dihayati keutamaan prinsip Rukun Negara itu sendiri ianya membawa penghayatan kepada lima (5) prinsip utama. Menerusi pemahaman dan penghayatan ini, secara tidak langsung mampu mewujudkan masyarakat yang hormat-menghormati, berkongsi kemakmuran dan keharmonian secara adil dan saksama serta mampu melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Ini secara tidak langsung mampu memastikan rakyat dan negara tidak diancam oleh kuasa luar dan anasir buruk dari dalam negara. Justeru, sebagai pengamal dan pengguna media sosial seharusnya menilai dan menghayati prinsip Rukun Negara dengan sepenuh hati sebelum proses penyebaran ataupun perkongsian maklumat dilakukan. Ini secara tidak langsung mampu menjana berita yang mempunyai nilai kandungannya yang luar biasa dengan mengamalkan konsep perpaduan di dalam penyebaran berita mahupun maklumat. Oleh itu, sebelum menyuarakan pendapat mahupun tuntutan tertentu, seharusnya pengguna dan pengamal media sosial merujuk Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, keadaan ini dapat menjamin dengan telus dan jelas bahawa prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang perlu dihayati agar tidak menguris perasaan kaum-kaum lain di Malaysia (Utusan Malaysia, 4 Nov 2019).

Malaysia yang menjadi salah sebuah negeri yang berada pada kedudukan ke-29 daripada 163 buah negara paling aman di dunia pada tahun 2017 (Utusan Malaysia. 4 Nov 2017), pelaporan ini dikeluarkan oleh indeks keamanan sedunia, iaitu Institute for Economics and Peace, Sydney, Australia. Ini menjadi indikator utama betapa bertuahnya kita mendiami bumi tercinta Malaysia, justeru sebagai pengamal dan pengguna media sosial seharusnya kegiatan fitnah siber, sifat tamak dalam perkongsian maklumat yang tidak pasti atau tidak sah seharusnya dihentikan serta merta. Apa yang perlu kita pertahanan dan pertingkatkan secara berjemaah adalah mengekalkan keamanan di negara tercinta ini. Selain itu, sifat matang, bertolak ansur dan mengutamakan kepentingan sejagat perlu diketengahkan dalam semua aspek demi untuk

meningkatkan perpaduan negara. Justeru itu, tidak hairanlah mengapa Rukun Negara itu perlu sentiasa dihayati dan dihormati oleh setiap individu kearah pembentukan sebuah negara yang bersatupadu dan harmoni.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kerajaan tidak akan mengambil langkah menyekat laman media sosial seperti Facebook dan Google walaupun berdepan cabaran ledakan kandungan negatif di Internet. Sebaliknya menurut beliau, kementeriannya akan sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap penyebaran kandungan negatif. Justeru itu, pendidikan akhlak ataupun civil education dikalangan pengamal dan pengguna media sosial perlu dipertingkatkan. Ini juga dilihat merupakan salah satu remedi yang boleh diketengahkan dalam proses pengukuhkan nilai integriti.

Pengenalan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dilihat masih relevan pada masa kini. Ini kerana seseorang yang menyalahgunakan rangkaian media sosial atau media baharu seperti laman sesawang, WhatsApp, Twitter, portal, Facebook, blog, webtv, dan untuk menyebar berita palsu, lucu, mengancam keselamatan dengan niat menyinggung perasaan, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan jika didapati bersalah, boleh didenda RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali. Pendekatan ini dilihat sebagai salah satu alternatif dalam membendung kegiatan penyalahgunaan media sosial. Justeru, dalam keghairahan masyarakat menggunakan media sosial sebagai keperluan hidup, tuntutan untuk menitikberatkan nilai-nilai integriti harus dititikberatkan untuk mengelakkan sebarang ancaman dan kemudaratan baik kepada bangsa, agama dan negara khususnya. Jika nilai integriti dapat diterapkan dan dihayati di dalam kehidupan sehari-hari tidak mustahil, negara tercinta Malaysia ini mampu menikmati nilai perpaduan yang nyata. Justeru itu, selaku pengamal dan pengguna media sosial seharusnya agen ini mampu bertanggungjawab kepada masyarakat dengan setiap perkongsian maklumat yang dilakukan tanpa mengeneplik undang-undang media sosial mahupun hak asasi individu sesuatu negara bangsa.

Dalam era masyarakat yang sentiasa mengejar pembangunan untuk merealisasikan impian ke arah kehidupan lebih moden, Internet telah mencetuskan gelombang perubahan dalam proses sosialisasi dan kehidupan masyarakat. Perubahan ini termasuklah perubahan terhadap gaya hidup berorientasikan teknologi dan kemajuan maklumat yang memberikan kesan dan menjadi cabaran terhadap pemikiran, ideologi dan budaya tanpa batasan sempadan serta kawalan. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pengamal dan pengguna media sosial untuk bersifat lebih matang dan mementingkan nilai positif sebelum melakukan sebarang sebarang maklumat. Didikan awal persekolahan dan pendidikan dari rumah juga amat penting dalam mendidik warisan bangsa tentang perlunya perkongsian berita secara sahih, dengan ini sebarang konflik dapat dikurangkan dan dielakkan. Justeru, niat untuk mengekalkan keamanan sesama kita akan tercapai.

KESIMPULAN

Media sosial yang menjadi tempat berinteraksi, menyampaikan maklumat dan propaganda, ruangan iklan, mencari rakan lama, interaksi keluarga, bertukar pendapat serta sebagai wadah pembelajaran mahupun sumber rujukan yang interaktif dan kreatif, seharusnya bertindak secara dewasa dan bertanggungjawab. Ini kerana sebebas mana pun setiap tinta dan pena di lakarkan oleh pengguna media sosial, mereka seharusnya faham dan ingat bahawa mereka adalah kelompok yang tidak kebal daripada sebarang tindakan undang-undang dan begitu banyak peruntukan undang-undang bagi setiap kesalahan yang mungkin boleh disabitkan


tanpa mereka sedari. Oleh itu, penerapan nilai integriti dalam setiap individu dapat membendung gejala yang tidak sihat di dalam perkongsian maklumat di media sosial dan menjadikan individu yang lebih bertamadun serta menghargai dengan baik media itu sendiri. Potensi media sosial dalam penyaluran maklumat adalah amat besar melihat kepada kegunaannya masa kini adalah berleluasa dan sudah menjadi sebahagian keperluan dalam kehidupan masyarakat masa kini.

RUJUKAN


- Ajzen, I. F., & Fishbein, M. M.(1980). Understanding attitudes and predicting social behavior.
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior 1. *Journal of applied social psychology*, 32(4), 665-683.
- Arsyad,A. (2002). Media Pembelajaran, Jakarta: Rajawali Pers.
- Charles Blankson Stavros P. Kalafatis Stanley Coffie Markos H. Tsogas , (2014),"Comparisons of media types and congruence in positioning of service brands", *Journal of Product & Brand Management*, Vol. 23 Iss 3.
- Eberhard E. Scheuing Bo Edvardsson, (1994), "Service Integrity", *Managing Service Quality: An International Journal*, Vol.4 Iss 4.
- Fariza,M,S., & Muhammad , F., A. (2010). Media Sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah. Kertas kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak. https://www.utusan.com.my/rencana/utama/menjaga-integriti-penggunaan-media-sosial-1.93493#1_93493- 19/5/15 (19 Mei 2015. "Menjaga Integriti Pengguna Sosial")
<https://www.utusan.com.my/berita/nasional/rukun-negara-masih-terus-relevan-1.546906> (4 Nov 2017. "Rukun Negara Masih Relevan")
- Mohd Hamdan Adnan (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti National. *Journal Komunikasi Borneo* Vol 2, pp. 57-74
- Mustafar Ali, (2004). Perlaksanaan Pelan Integriti Nasional Secara Berkesan, Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia pada Jun 2004.
- Musschenga, A. W., (2001). Education for Moral Integrity, *The Journal of The Philosophy of Education*, Vol. 35, No. 2, 2001.
- Pelan Integriti Nasional (2014). Kuala Lumur: Portal Rasmi Institut Integriti Malaysia.
- Kamus Dwibahasa (1985). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (2019). Salah Guna Media Sosial : MCMC Serbu 11 Lokasi pada 23 Mac 2019.
- Utusan Online (2015). "Menjaga Integriti Penggunaan Media Sosial". 19 Mei 2015

Wan Norina W.H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamed , Y., & Ahmad Arifin, S.(2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. The Online Journal of Islamic Education. Januari 2013, Vol.1, Issue 1.

Widang, I., and Fridlund, B., (2003). Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients, Journal of Advanced Nursing, Apr2003, Vol. 42 Issue 1, p47, 10p, DOI: 10.1046/j.1365-2648.2003.02578.



X



Cawangan Kedah
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2682-7840

